



# دار القرآن جباتن كما جوان إسلام ماليسيا

DARUL QURAN  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## PENGAMBILAN PELAJAR BAGI PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN SESI 2011/2014

**DARUL QURAN** merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi dalam bidang Tahfiz Al-Quran yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia ( JPA ), mempelawa calon-calon yang berkelayakan untuk mengikuti pengajian Diploma Tahfiz Al-Quran

### SISTEM PENGAJIAN

Kursus dijalankan mengikut sistem semester selama 3 tahun ( 6 semester ). Anda akan dibimbing dan dilatih sebagai seorang Hafiz dan Hafizah yang mampu menghafaz 30 juzuk Al-Quran .Subjek yang ditawarkan meliputi bidang Pengajian Al-Quran, Qiraat, Syariah, Dakwah, Hadis dan Muamalat.

### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- i. Berumur tidak melebihi 21 tahun dan belum berkahwin.
- ii. Lulus SPM dengan mendapat **kepujian** dalam mata pelajaran :
  - a. Bahasa Melayu
  - b. Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah/Pendidikan Syariah Islamiah
  - c. Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab Komunikasi dan
  - d. Lulus Bahasa InggerisAtau

Kelulusan yang diiktiraf yang setaraf dengan SPM .

Calon-calon yang sedang mengikuti pengajian di mana-mana Maahad Tahfiz Negeri yang menyertai pengajian bersama Program Diploma Tahfiz di Darul Quran adalah tidak layak memohon.

### YURAN PENGAJIAN DAN ELAUN

Yuran pengajian tidak dikenakan. Elaun Pengajian akan dipertimbangkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia untuk pelajar-pelajar Darul Quran

### CARA MEMOHON

i) Permohonan secara dalam talian (Online) boleh disi melalui laman Web :

- a) <http://www.islam.gov.my>
- b) <http://www.darulquran.gov.my>

ii) Borang Permohonan boleh dimuat turun melalui laman web :

- a) <http://www.islam.gov.my>
- b) <http://www.darulquran.gov.my>

### UJIAN DAN TEMUDUGA

Calon-calon yang berkelayakan akan dipanggil untuk temuduga dan menduduki ujian bertulis. Sila bawa borang permohonan yang telah dicetak semasa temuduga.

### TARIKH TUTUP PERMOHONAN

**Tarikh tutup permohonan 10 hari selepas keputusan SPM diumumkan.**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Telefon : 03-60635333/03-60635350

Faks : 03-60645497

Email : [pengambilan@darulquran.gov.my](mailto:pengambilan@darulquran.gov.my)

### MAKLUMAN

Calon-calon yang tidak menerima apa-apa makluman selepas 1 Mei 2011 adalah dianggap tidak berjaya.